

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Puan Hajah Normala Binti Abdul Samad  
[ Pasir Gudang ]**

**TARIKH : 25 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kajian penyelidikan yang telah dijalankan oleh pensyarah dan mahasiswa universiti dalam serta luar negara dan sejauh mana hasil penyelidikan ini digunakan bagi membantu pembangunan negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), iaitu dari tahun 2011 hingga 2013, sejumlah 1,316 kajian penyelidikan telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Bidang kajian tersebut adalah penyelidikan fundamental yang meliputi lapan (8) kluster utama, iaitu :

- i. Sains Tulen;
- ii. Sains Gunaan;
- iii. Sains Kesihatan dan Klinikal;
- iv. Sains Tabii dan Warisan Negara;
- iv. Teknologi dan Kejuruteraan;
- vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- vii. Sains Sosial; dan
- viii. Sastera dan Sastera Ikhtisas.

Hasil *output* dan impak program penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi, penerbitan dalam jurnal-jurnal di peringkat dalam negara dan antarabangsa, penghasilan harta intelek, produk untuk dikomersilkan,serta jaringan kolaborasi dengan industri tempatan dan luar negara.

Sehingga Ogos 2013, sebanyak 1,647 modal insan (seperti graduan Phd.) telah dihasilkan. Bagi penerbitan penyelidikan berimpak tinggi pula, sebanyak 3,084 bilangan penerbitan telah dihasilkan oleh pensyarah. Manakala sebanyak 210 harta intelek (IP) telah dihasilkan daripada geran-geran yang telah diluluskan di bawah RMKe-10. Pencapaian *output* penyelidikan yang dinyatakan tersebut dapat disokong dan dibuktikan melalui pencapaian keseluruhan negara terutamanya dalam menghasilkan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Mengenai sejauhmana hasil penyelidikan ini digunakan bagi membantu pembangunan negara, KPM mengakui bahawa "kejayaan dan kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi bergantung sebahagiannya pada kemampuan untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi, berkemampuan menjana pengetahuan baru, dan mempunyai nilai komersial". Sehubungan dengan itu, penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh pensyarah universiti menjadi nadi utama pembangunan negara dalam pelbagai sektor ekonomi, politik, sosial and teknologi. Hasil-hasil dari penyelidikan ini akan dikomersilkan untuk menjamin kualiti hidup masyarakat dari segi memenuhi matlamat pembangunan negara.